

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Herba penawar kanser?	Utusan Malaysia
2.	Daun rerama ada ciri antikanser	Utusan Malaysia
3.	Taburan hujan kurang hingga 60 peratus	Berita Harian
4.	Panas melampau	Harian Metro
5.	Al Nino kuat di Sabah sehingga Mac depan	Utusan Malaysia
6.	Terpaksa import ikan akibat cuaca panas	Sinar Harian
7.	Weatherman forecasts less rain, more heat	Malay Mail
8.	Feeling the El Nino heat	The Star
9.	Weather causes fish supply to dwindle	Malay Mail
10.	Sacrificing the environment	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

ISNIN 11.01.16

UTUSAN MALAYSIA

Agro
@com

DAUN
KESUM
ANTI-KANSER?
»8



Saintis sedang
giat jalankan
penyelidikan
kemungkinan
penawar kanser
ada pada herba

**HERBA PENAWAR
KANSEK?**

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

agro

FAKTA

Mas cotek atau nama saintifiknya *Ficus deltoidea* merupakan tumbuhan herba popular.

Mas cotek juga dikenali dengan panggilan telinga beruk, telinga kera, delima sudip, pitis skeleng dan pelbagai lagi.

Khasiat mas cotek dikaji

Ada lima komponen aktif yang berguna untuk tubuh manusia

Oleh **NUR FATIEHAH**
ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com



UMUM tahu teknologi nuklear mempunyai pelbagai aplikasi yang boleh digunakan meliputi bidang penyelidikan, perindustrian, pertanian dan perubatan dan tidak hanya terhad kepada pembuatan bom sahaja sebagaimana yang digambarkan dalam filem atau buku sains fiksi.

Demi mengembangkan lagi penggunaan teknologi nuklear di negara ini, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menghasilkan bahan-bahan radioaktif untuk digunakan dalam aplikasi pelbagai bidang tersebut.

Dalam bidang perubatan khususnya, teknologi nuklear seperti radioaktif digunakan untuk menghasilkan radiofarmaseutikal bagi mendiagnosis penyakit seperti kanser, kardiologi dan neurologi agar kaedah rawatan lebih tepat dapat dijalankan terhadap pesakit.

Turut bertindak dan memainkan peranan sebagai sebuah agensi penyelidikan, Nuklear Malaysia sentiasa berusaha menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan.

Oleh itu, demi bergerak seiring bersama negara membangun yang lain, agensi berkenaan telah mengambil inisiatif menggabungkan teknologinya bersama penawar tradisional iaitu herba tempatan demi membangunkan lagi bidang perubatan ke suatu tahap yang lebih tinggi.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan bahan mentah dan herba, ini adalah peluang terbaik bagi pengguna dan pengamal perubatan untuk mengeksplotasi sumber yang ada bagi mengiatkan lagi pembangunan industri perubatan.

Pengarah Bahagian Teknologi Perubatan Nuklear Malaysia, **Dr. Shafii Khamis** berkata, kemudahan perubatan negara yang berteknologi tinggi seperti radiofarmaseutikal perlu dimanfaatkan dengan lebih meluas dan harus dieksplotasi lebih mendalam.

"Oleh sebab itu, selain menggunakan teknologi untuk mengesan kanser terutamanya, pihak kami turut mencari ubat yang dapat menyelesaikan masalah yang ada iaitu dengan menggunakan herba tradisional.

"Kita sedar, demi mendapatkan keupayaan teknologi terkini dan canggih, negara kita tidak mampu kerana kekangan

dari segi kewangan. Oleh kerana negara kita kaya bahan produk semula jadi, maka kami telah mengambil inisiatif membangunkan produk menggunakan kekuatan yang sedia ada dalam merawat penyakit," katanya ketika ditemui di Bangi baru-baru ini.

Melalui kepakaran dan pengetahuan perubatan tempatan yang ada, Shafii bersama pasukannya telah memulakan kajian untuk mencari penawar penyakit kanser menggunakan pelbagai jenis herba dan kajian terkini adalah menggunakan herba mas cotek.



DR. SHAFII KHAMIS menunjukkan antara produk yang dihasilkan daripada herba daun mas cotek dalam bentuk kapsul dan tablet.



TIKUS makmal digunakan sebagai bahan ujikaji dalam menemukan bahan penawar perubatan.



HAMPIR keseluruhan komponen mas cotek bermula daripada akar, daun, batang dan buah dikatakan mengandungi khasiat perubatan.



PROGRAM Perolehan Peralatan Penyelidikan dan Pembangunan Radiofarmaseutikal dan Fitofarmaseutikal membolehkan pelbagai penyelidikan perubatan dilakukan di Nuklear Malaysia.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 7

TARIKH : 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

Mas cotek atau nama saintifiknya *Ficus deltoidea* merupakan tumbuhan herba yang semakin mendapat perhatian bukan sahaja daripada pengamal perubatan tradisional, malah pengamal perubatan moden turut mengaplikasikan penggunaan herba itu sebagai perubatan komplementari.

"Mas cotek ini mempunyai lebih 80 jenis spesies dan dikategorikan kepada mas cotek jantan yang berdaun kecil serta mas cotek betina yang berdaun besar.

"Khasiat mas cotek juga dikatakan dapat merawat dan mengekalkan tahap kesihatan seperti meningkatkan tenaga, membantu membaiki peredaran darah, membantu merawat kencing manis, darah tinggi dan sebagainya mengikut peranan spesies masing-masing," katanya.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Shafii juga menunjukkan bahawa mas cotek mempunyai lima komponen aktif yang berguna untuk tubuh manusia.

Menurutnya, komponen-komponen tersebut merupakan *flavonoids*, *tannis*, *triterpenoids*, *proanthocyanins* dan *phenols*.

"Komponen *flavonoids* merupakan anti oksidan yang sangat kuat bagi membantu mengekalkan peredaran darah yang kuat dan bertindak sebagai antiradang serta antirival.

"*Tannis* pula dapat menegangkan tisu yang kendur, mengeringkan rembesan air berlebihan dan melindungi tisu yang rosak akibat ekzema atau melecur.

"Komponen aktif *triterpenoids* pula boleh membantu tubuh badan untuk mengeluarkan kahak dan menyerap nutrien, sementara *phenols* dapat membantu mengurangkan bengkak apabila bertindak sebagai antiseptik," jelasnya.

Dalam pada itu, Shafii berkata, dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri herba, beberapa kriteria dan piawai perlu dipenuhi oleh ahli sains dan profesional daripada pelbagai disiplin.

"Sebelum tiba ke fasa terakhir pembuatan produk perubatan, prosesnya akan melibatkan kepakaran ahli sains pelbagai disiplin seperti farmakognosis, agronomi, fitokimia, farmakologi, toksikologi, bioteknologi dan sebagainya.


"Disebabkan perubatan herba yang semakin popular dalam penjagaan kesihatan, maka penyeragaman ubat itu sangat penting agar ia berada pada tahap yang boleh diterima piawaian demi menjamin keberkesanan dan kualiti," ujarnya.

Tambahnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan garis panduan untuk proses penyeragaman ubatan herba bermula peringkat pengesahan, identiti taksonomi hinggalah histologi dan analisis mikroskopik.

"Dalam menghasilkan ubatan berasaskan herba, kita perlu memastikan ia bebas daripada bahan asing seperti najis haiwan, tanah dan lain-lain lagi.

"Kemudian ujian lanjut akan dijalankan untuk mengenal pasti kehadiran logam berat seperti kadmium dan plumbum yang apabila diserap oleh tubuh badan ia boleh mendatangkan masalah kesihatan dalam jangka masa yang panjang.

"Setelah keseluruhan proses mengenal pasti bahan bebas toksik dan logam berat, barulah ubat-ubatan dibangunkan di peringkat akhir melalui Amalan Pengilangan Baik (GMP) iaitu sistem yang diwujudkan bagi membantu industri mencapai piawai pengeluaran makanan yang lebih tinggi bagi memenuhi kehendak keselamatan makanan dan pengguna," jelasnya.



ANTARA mesin menghasilkan tablet serta kapsul yang digunakan untuk mendapatkan produk akhir.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

Daun rerama ada ciri antikanser

SEJAK dari zaman nenek moyang lagi, tumbuh-tumbuhan telah menjadi sumber utama dalam kehidupan manusia untuk digunakan sebagai makanan dan juga ubat-ubatan.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi, Malaysia mempunyai lebih 6,000 spesies tumbuhan tropika dan ada antaranya boleh digunakan untuk membuat ubat-ubatan tradisional.

Satu lagi penemuan herba terbaharu yang didapati mempunyai ciri-ciri antikanser dan anti keradangan ialah *Red Butterfly Wing* (*Mariposa Christia Vespertilionis*) atau lebih dikenali sebagai daun rerama.

Justeru, salah sebuah universiti penyelidikan terkemuka tempatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil langkah menjalankan penyelidikan secara lebih mendalam terhadap keberkesanan daun rerama yang berpotensi menjadi 'ubat tambahan' dalam rawatan kanser.

Penyelidik dan Ketua Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM, **Prof. Madya Dr. Latifah Saiful Yazan** berkata, penyelidikan ini telah menjalani saringan dan kini ujian praklinikal peringkat kedua terhadap daun rerama sedang dijalankan.

Menurutnya, penyelidikan tersebut adalah susulan daripada penemuan seorang pengusaha tanaman daun rerama, Khamarul Rezan Lim Abdullah yang didakwa berjaya membantu merawat beberapa jenis penyakit kronik terutama penyakit berkaitan kanser menggunakan daun spesies itu.

"Ujian peringkat kedua ini akan dijalankan terhadap haiwan iaitu ujian *in vivo*. Dalam ujian ini, beberapa jenis sel barah akan disuntik ke dalam tikus makmal, kemudian tikus tersebut akan dirawat dengan menggunakan ekstrak daun rerama.

"Kita percaya bahawa daun rerama ini bukan sahaja boleh membantu dalam rawatan, tetapi juga membantu mengubati penyakit lain seperti *Sistem Lupus Erythematosus* (SLE), angin ahmar, denggi, darah tinggi, kencing manis, migrain, demam, resdung dan sebagainya," katanya ketika ditemui di Serdang baru-baru ini.

Sebagai sejenis tumbuhan yang tumbuh di rantau Asia, pokok daun rerama mempunyai pelbagai spesies dan warna. Namun, jenis daun rerama yang berwarna hijau digunakan untuk tujuan perubatan.

Tumbuhan ini juga telah digunakan secara meluas di negara jiran iaitu Thailand untuk merawat pelbagai jenis penyakit kerana ia mampu meningkatkan antibodi dan merawat penyakit berkaitan sel darah merah.

Tambah Dr. Latifah, Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk tujuan penyelidikan di peringkat kedua yang akan menggunakan sebahagian daripada *Enterprise Innovation Fund* (EIF).

"Sebelum ini, saringan pertama telah dilakukan pada tahun 2013 secara *in vitro* apabila pihak penyelidik menggunakan ekstrak daun rerama terhadap enam jujukan sel barah yang sukar dirawat seperti sel barah payudara, serviks, ovari, usus besar dan peparu.

"Untuk saringan kali kedua ini pula, penyelidik akan meneliti profil kimia daun rerama. Terdahulu kami telah melakukan penyelidikan pada akar pokok daun rerama dan berjaya menemukan dua sebatian yang bersifat antikanser," ujarnya.

Menurutnya, walaupun tumbuhan tersebut mempunyai khasiat bagi membantu merawat kanser, namun pesakit kanser tidak boleh bergantung kepada pokok daun rerama seratus peratus.


"Mengambil ubat-ubatan moden seperti yang disarankan oleh doktor, serta melakukan rawatan lanjut menggunakan teknologi moden seperti kemoterapi untuk mengubati kanser perlu diteruskan juga.

"Bagaimanapun ini adalah rawatan komplementari yang mampu menjadi pemangkin kepada proses penyembuhan.

"Selain itu, ia dapat mengurangkan risiko mendapat penyakit seperti kanser serta kaedah untuk mengawal kesihatan diri supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dengan menjadikan pengambilan herba semula jadi sebagai amalan harian," jelasnya.



DR. LATIFAH SAIFUL YAZAN menunjukkan contoh daun rerama yang sedang dikaji khasiatnya dalam membantu rawatan kanser.



Taburan hujan kurang hingga 60 peratus

» Fenomena El Nino kategori kuat landa negara bermula bulan ini

Oleh Norakmah Mat Youb dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Taburan hujan di seluruh negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini,

INFO

Ukuran tahap kekuatan El Nino

Anomali suhu air permukaan laut	Kategori El Nino
0.5° - 1.0° C	Lemah
1.0° C - 1.5°C	Sederhana
Melebihi 1.5°C	Kuat

berikutan fenomena El Nino kategori kuat yang sedang melanda Malaysia.

Suhu tertinggi

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail, berkata fenomena pe-

manasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik menyebabkan suhu negara dijangka meningkat antara 0.5 hingga dua darjah Celcius.

Beliau berkata, cuaca panas itu akan berterusan sehingga April dengan negeri di utara Semenanjung sudah mula menerima kesan akibat fenomena terbabit.

"Kesan El Nino akan dirasakan di seluruh Semenanjung, Sabah dan Miri serta Limbang, Sarawak pada hujung bulan ini.

"Suhu tertinggi yang pernah dicatat akibat fenomena El Nino ialah 40.1 darjah Celcius pada tahun 1998 dan tidak menolak kemungkinan situasi sama bakal berulang kali ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kesan besar

Che Gayah bagaimanapun berkata, suhu akibat fenomena El Nino yang melanda negara dijangka berada pada tahap tertinggi bulan ini dan berkurangan mulai bulan depan, seterusnya bertukar normal menjelang Jun ini.

Fenomena El Nino menyebabkan rangkaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan, manakala kemarau panjang di kawasan lain.

Malah, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Disember tahun lalu mengeluarkan kenyataan menyatakan fenomena El Nino yang melanda seluruh dunia bermula sederhana dan setempat di Pasifik, bagaimanapun meningkat sehingga ke rantau Asia.

Fenomena itu mendatangkan kesan besar seperti di tengah dan selatan India, tengah dan timur laut Thailand, tengah dan selatan Filipina, utara Kemboja, timur Indonesia, Papua New Guinea dan kebanyakan negara di kepulauan Pasifik.

PANAS MELAMPAU

■ Fenomena El Nino tahap kuat mula berkunjug

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurilela@hmetro.com.my

Iklm tanah air bakal berdepan fenomena pemanasan suhu permukaan laut atau dikenali sebagai El Nino berikutan terdapat gangguan terhadap sistem atmosfera-lautan khususnya di kawasan tropika Lautan Pasifik yang mempunyai kaitan terhadap cuaca secara global.

Ketua Pengarah Jabatan Me-

“Namun, intensiti fenomena El Nino dijangka mencapai kemuncak pada bulan ini”

Che Gayah

teorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail ketika dihubungi mengesahkan impak El Nino tahap 'kuat' sedang me-

landa Malaysia kini dan dijangka berterusan sehingga April.

Buat masa ini, negeri di utara Semenanjung mula menerima kesan fenomena itu yang di ramal meningkatkan suhu negara antara 0.5 dan dua darjah Celsius.


Impak El Nino kuat ini akan dirasai semua negeri di Semenanjung, Sabah serta Bahagian Miri dan Limbang di Sarawak menjelang hujung bulan ini.

Katanya, rekod menunjuk-

kan suhu maksimum negara semasa dilanda El Nino pernah mencecah 40.1 Celsius pada 1998.

“Oleh itu, JMM tidak menolak kemungkinan situasi sama berulang.

“Namun, intensiti fenomena El Nino dijangka mencapai kemuncak pada bulan ini dan seterusnya beransur pulih mulai Februari dan keadaan dijangka menjadi neutral selepas Jun,” katanya.



SEORANG wanita kanak-kanak berendang berendang di atas permukaan tanah yang retak akibat El Nino.

SEKUMPULAN remaja dan kanak-kanak berkongsi payung ketika melalui sawah padi di Kampung Sungai Emas, Kuala Sungai Muda, Perlis.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

El Nino kuat di Sabah sehingga Mac depan

KOTA KINABALU 10 Jan. - Cuaca panas yang dialami di negeri ini ekoran fenomena El Nino ketika ini dijangka berakhir April ini.

Pengarah **Jabatan Meteorologi** negeri, Abdul Malik Tussin berkata, negeri ini kini menghadapi fenomena El Nino pada tahap maksimum yang bermula bulan ini hingga Mac depan yang juga menyebabkan cuaca di negeri ini kurang hujan, selain panas dan kering.

Bagaimanapun menurutnya, fenomena ini diramal lemah pada bulan April dan berakhir pertengahan tahun ini.

"Sebelum ini jika hujung tahun dan awal tahun pasti akan ada musim hujan iaitu musim tengkujuh. Oleh itu, fenomena ini menyebabkan taburan hujan merosot," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Abdul Malek menasihati orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar kerana dikhuatiri boleh mengundang penyakit, selain kerap minum air kosong.

Malah katanya, orang ramai juga dinasihat mengelak pembakaran terbuka yang mampu memberi kesan pencemaran udara terutama jerebu.

"Hadkan aktiviti di luar kerana cuaca panas luar biasa boleh mengundang penyakit," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 11 JANUARI 2016 (ISNIN)

Terpaksa import ikan akibat cuaca panas

ALOR SETAR - Persatuan Nelayan Kedah (Nekad) terpaksa mengambil langkah mengimport kira-kira 10 tan hasil laut sejuk beku bagi menampung kekurangan bekalan akibat cuaca panas akhir-akhir ini.

Pengerusinya, Ahmad Rudin Hussin berkata, langkah itu terpaksa diambil memandangkan hasil tangkapan merosot sehingga 50 peratus akibat keadaan cuaca masa ini.

Menurutnya, keputusan untuk mengimport hasil laut itu adalah hasil mesyuarat persatuan berkenaan semalam

dan dijangka dimulakan dalam akhir bulan ini, sekiranya cuaca panas masih berterusan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya terpaksa memilih untuk mengimport hasil laut dari negara-negara yang mempunyai nilai mata wang rendah seperti India, Bangladesh, Indonesia memandangkan nilai ringgit yang agak merosot.

"Bekalan hasil laut meliputi ikan selar, selayang, sarudin, bawal dan udang dijangka mampu memenuhi keperluan dalam tempoh Februari hingga Mac ini bergantung kepada keadaan cuaca," katanya.

Ahmad Rudin berkata, keadaan cuaca panas dialami sekarang turut menyebabkan harga ikan melambung naik seperti ikan termenung yang naik daripada RM7 sekilogram kepada RM14 sekilogram.

"Apabila cuaca panas, air laut pun panas, maka ikan-ikan banyak lari ke tengah laut ingin mencari tempat sejuk, dan amatlah bahaya untuk nelayan turun ke tengah laut dalam keadaan seperti ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Meterologi Kedah, Rosli Zakaria@Che Kob berkata, fenomena El-Nino yang ber-

laku meningkatkan lagi cuaca panas dan kering yang dialami negeri-negeri utara semenanjung ketika ini.

Katanya, bagi tempoh antara Disember hingga Mac, corak iklim di negeri-negeri utara sememangnya panas dan kering seperti kebiasaan.

Sehingga semalam, Stesen Meterologi Alor Setar mencatatkan rekod tiada hujan selama tempoh hampir tiga minggu bermula 18 Disember lalu, dengan hanya sehari hujan pada 28 Disember.

Suhu pula dalam julat 23 hingga 34 darjah celsius.

- *Bernama*

Weatherman forecasts less rain, more heat

By Lavinia Louis
 lavinia@mmail.com.my

PETALING JAYA — The Meteorological Department does not dismiss the possibility of temperatures soaring to more than 40°C as the "Super El Nino" phenomenon digs in.

Its director-general, Datuk Che Gayah Ismail, said this year's El Nino could be as strong as in 1998 when the maximum temperature reached 40.1°C.

"We do not deny the possibility it could occur again this time around," she said as the mercury peaked at 33°C here yesterday. The daily average temperature in Malaysia is between 28 and 30°C.

El Nino is the warming of the sea surface across the eastern Pacific ocean. It usually occurs six months in a row every two to four years. Climatologists have called the weather phenomenon as "Super El Nino".

Between 1997 and 1998, the dry and arid

weather caused fires in the Southeast Asian region, resulting in one of Malaysia's worst haze episode.

An emergency was declared in Sarawak as the Air Pollutant Index readings reached hazardous levels. Schools and businesses were forced to close, and the agriculture sector was severely affected.

Che Gayah said this year's El Nino would continue until April, reducing rainfall by 20 to 60 per cent from this month.

"This will result in a rise in the temperature of between 0.5 and two degrees," she said.

She said the effects would begin in the northern states before moving to the rest of the country.

"The El Nino has started to affect Sabah (yesterday)," she said.

Asked if cloud seeding would be carried out to increase rainfall and to bring down the temperature, she said: "It will be done according to procedures or if requested by the dam operators."

Che Gayah said the effects of El Nino were

expected to reach their peak this month, before gradually weakening from next month.

"The weather condition is expected to be back to normal after June," she said.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said the National Security Council would meet this week to address the issue.

On whether the council has drawn up plans for water rationing, he said: "As of now there are no plans. We are looking for new sources of water."

The United Nations released a statement last month saying the El Nino phenomenon was sweeping across the world, beginning mildly and in localised conditions in the Pacific in late 2014 and intensifying to cover large portions of Asia and the Pacific.

El Nino is likely to have profound effects on central and southern India, central and northeast Thailand, the central and southern Philippines, northern Cambodia, eastern Indonesia, Papua New Guinea and many Pacific island nations.



Temperature Forecast today

KOTA BARU

Min: 24°C
Max: 31°C

KUALA TERENGGANU

Min: 24°C
Max: 31°C

KUANTAN

Min: 24°C
Max: 33°C

GEORGE TOWN

Min: 24°C
Max: 33°C

IPOH

Min: 24°C
Max: 33°C

ALOR STAR

Min: 24°C
Max: 34°C

KANGAR

Min: 24°C
Max: 33°C

PUTRAJAYA

Min: 25°C
Max: 33°C

KUALA LUMPUR

Min: 25°C
Max: 33°C

PETALING JAYA

Min: 25°C
Max: 33°C

SEREMBAN

Min: 25°C
Max: 33°C

MALACCA

Min: 25°C
Max: 33°C

JOHOR BARU

Min: 25°C
Max: 33°C

KUCHING

Min: 24°C
Max: 33°C

KOTA KINABALU

Min: 26°C
Max: 32°C

LABUAN

Min: 27°C
Max: 31°C

*Source Malaysian Meteorological Service



Women use umbrellas to shield themselves from the scorching sun outside KLCC yesterday. — Picture by Bernama

Feeling the El Nino heat

Padi farmers worry lower rainfall will affect harvest

By LOSHANA K SHAGAR
and CHONG KAH YUAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The El Nino heatwave is expected to affect local food production, with padi farmers in the north already complaining of 50% less harvest.

Vegetable growers in the lowlands, especially in Johor, have also been warned to look for alternative sources of water.

In Alor Setar, a Kampung Suka Menanti farmer known as Din, 40, said the current heatwave was the worst in his 25 years of farming, adding that the situation was made unbearable due to poor water supply.

Din, who claimed to be among the hundreds of farmers affected, said water level at the river dropped from 2.5m to 1.8m recently.

"The irrigation system supplies the padi field with water from the river, but a recent flood mitigation project has hindered the supply and the scarce rainfall does not help.

"Due to the lack of water, the padi grains have shrivelled in size and we expect the yield this time to be halved," he said yesterday.

Hamzah Salleh, 62, who farms his padi field in Pantai Johor said the harvest might be late this season due to the lower rainfall since November.

"During normal seasons, padi can be harvested in 90 days, but dry spells may stretch the growth to up to four months and affect our harvest."



Parched earth: A child pushing his bicycle on a dried-up field in Alor Setar where no rain had been recorded for almost three weeks. — Bernama

Thirty percent of the country's rice is imported from countries such as Thailand.

Recently, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said Peninsular Malaysia along with Limbang and Miri in Sarawak, would be experiencing hot and dry weather until March.

The weather condition is a result of El Nino, which is also expected to reduce rainfall by about 20% to 60%

and cause temperatures to rise between 0.5°C and 2°C.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association secretary Chay Ee Mong said farmers in the lowlands might have to start looking at alternative water sources to avoid problems in the next few months.

"For Cameron Highlands, the water sources here are enough.

"Even Perak and Selangor farmers can turn to the former mining areas as an alternative," he said,

adding that they would only be facing problems should the dry season last beyond the predicted period.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman said they did not expect the drop in local production to be alarming as not all source of supply was local.

"If there's a drop of, say 10%, we will increase imports by 10% to compensate," he said, adding that they were monitoring the situation.

Weather causes fish supply to dwindle

ALOR STAR — The Kedah Fishermen's Association has decided to import about 10 tonnes of frozen marine products to meet the shortage because of the prolonged hot weather.

Its chairman, Ahmad Rudin Hussin, said there had been a 50 per cent drop in catches recently.

The decision was made at the association's meeting yesterday and would be carried out by the end of the month if the hot weather continued.

However, Ahmad said the association

had decided to import the products from countries with low currency values, such as India, Bangladesh and Indonesia, in view of the ringgit's steep decline.

The marine products include ikan selar, selayang, sardin and bawal as well as prawns and are expected to meet requirements from next month to March.

He said the hot weather had also led to soaring fish prices. For example, the price of ikan termenung had gone up from RM7 a kg to

RM14 a kg.

"When the weather is hot, the water gets heated, so the fish often escape to the middle of the sea where it's cooler, and it is dangerous for fishermen to go to the middle of the sea in such circumstances," he said.

Until yesterday, the Alor Star Meteorological Station recorded no rain for nearly three weeks from Dec 18, with only a day of rain on Dec 28.

The temperature is in the range of 23 to 34° Celsius. — Bernama

Sacrificing the environment

I TEACH environmental engineering at UCSI university. In the 1980s, I lectured final-year civil engineering students on the same subject at the University of Malaya as a part-time lecturer. This time the students are second-year undergraduates in chemical, petroleum and electrical engineering.

On my first lecture I told the students not to study merely to pass the examination. Instead they should aim to acquire the knowledge and learn the skills associated with this important subject. The reasons why knowledge in the subject is very much sought after are obvious.

In the current era of growing environmental consciousness, all businesses and governments worldwide treat the environment as a strategic part of their operations. Public approval of them depends heavily on how they are seen dealing with issues protecting the environment.

There is no denying that public acceptance is a major KPI for both governments and businesses. Governments want the public to continue voting for them to remain in power, while businesses want the public to continue patronising their products and services to survive. Therefore, graduates who demonstrate better knowledge about environmental planning and management will have an edge over others. It will put them in good stead when pursuing their career wherever they serve.

With the growing world concern over climate change and resource depletion, the subject of the environment has assumed great importance. In many developed economies, political groups which champion the environment,



the so-called green party, have grown popular among the electorate. Some have even won and formed governments, either on their own or in partnership with other parties.

At home, we do have one green party but whether they put the environment at the top of their agenda is debatable.

Rightfully, they should because Islam strongly advocates taking good care of the environment as one of the principal callings. In Islam, humankind has also been

tasked to be the custodian of the environment and the entire natural ecosystem.

Unfortunately, the case of bauxite mining in Pahang does not reflect well on that Islamic calling. It is also unfortunate that the majority of the oil palm farmers who had surrendered their land, felling their oil palm in favour of bauxite, are mostly Muslims.

It may be because of the current palm oil prices that they have been forced to take that option. Still there is no excuse to flout the rules of responsible mining.

The truth is, bauxite, which is the mineral that generates much of the aluminium that is in big demand in the world, has been mined before in the country. Those who studied geography would know that bauxite was already mined in Johor in the past.

It has stopped because the amount of deposits left does not make economic sense to mine any more. But the mining then followed proper mining procedures and therefore did not incite much complaints from the public.

Sadly, the bauxite mining in Pahang is a big contrast. Not only the excavation itself does not adhere to proper procedures, but

also the transport of the raw earth to the port also flouts all forms of reasonable guidelines. No wonder it has left behind a trail of environmental pollution that has created so much controversy and public displeasure. It has become a true red alert for the state.

The air is polluted with bauxite dust. The sea is contaminated with bauxite which may consequently pose problems for marine life and the fish that have been a source of food for people living in the area. The water source for the area may have also been contaminated.

The Health Ministry has warned about the presence of high levels of aluminium in the water system. And aluminium we are told can be a precursor for such health complications as the dreaded Alzheimer's disease.

Another matter which is baffling is, why are we exporting the low-value raw bauxite earth? We have talked much about adding value to our natural resources. Why are we not doing any processing here?

PROF DATUK DR AHMAD IBRAHIM
Fellow Academy of Sciences
Malaysia
UCSI University